SOALAN NO: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [KUBANG PASU]**
TARIKH	**:**	**10 MAC 2015**
SOALAN	**:**	

YB Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah penyalahgunaan daun ketum yang selama ini berada di bawah Akta Racun 1952 akan dijadikan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 memandangkan penyalahgunaan daun ini semakin serius berleluasa terutamanya di kawasan Utara Semenanjung dan melibatkan pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua,

Air daun ketum dengan bahan psikotropik yang terkandung di dalamnya iaitu Mitragynine dikawal di bawah Akta Racun 1952.

Walau bagaimanapun, hukuman yang termaktub dan yang telah diperuntukkan di dalam Akta Racun 1952 adalah terlalu ringan dan tidak lagi bersesuaian.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat cadangan untuk meminda Akta Racun 1952 supaya masalah penggunaan daun ketum ini dapat dikuatkuasakan di bawah peruntukkan Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pindaan terhadap Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952 telah pun dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada persidangan Dewan Rakyat pada 26 November 2014 yang lalu. Bacaan kedua dan ketiga akan dibentangkan pada sesi Mac 2015 ini. Penguatkuasaan terhadap penggunaan daun ketum ini hanya dapat dilaksanakan setelah pindaan ini diluluskan oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kesalahan memiliki untuk tujuan jualan daun ketum hukuman adalah di bawah peruntukan Seksyen 32(2), Akta Racun 1952 di mana hukuman maksimum ialah denda RM3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan memiliki air daun ketum (daun ketum yang telah diproses ke dalam bentuk cecair atau sebagainya) ialah di bawah peruntukan Seksyen 30(5), Akta Racun 1952 di mana hukuman maksimum ialah denda RM10,000 atau penjara tidak melebihi 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kedua-dua bentuk hukuman yang terdapat di bawah Akta Racun 1952 seperti yang dinyatakan di atas bukanlah bentuk hukuman yang '*deterrent*' dan ini adalah di antara faktor yang membuatkan pesalah mengulangi perbuatan pengedaran sama ada daun atau air daun ketum.